

U GB 01-12 00142 BH552

BAH

Mahathir - Kabinet

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan akan berlaku rombakan kabinet berikutan keputusan pemilihan tiga Naib Presiden UMNO yang baru.

Perdana Menteri juga berkata, seseorang yang dipilih menjadi Naib Presiden parti itu tidak semestinya memegang jawatan dalam kerajaan.

Presiden UMNO itu berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita semasa Perhimpunan Agung UMNO yang masuk hari kedua di Pusat Dagangan Duni Putra hari ini, berhenti seketika untuk jamuan teh.

Datuk Seri Dr Mahathir tidak mengulas lanjut.

Bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi merupakan satu-satunya daripada tiga Naib Presiden yang baru dipilih yang tidak mempunyai jawatan dalam kerajaan sekarang.

Dua lagi Naib Presiden yang dipilih ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid. -- Lagi

♥01/12/12-10MST

U GB 01-12 00175 BH553

BAH

Mahathir - Kabinet 2 Kuala Lumpur

Berhubung ketiadaan wakil Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam barisan Naib Presiden sekarang, beliau berkata, UMNO tidak mengira daripada golongan mana seseorang pemimpin itu dipilih asalkan mereka mendapat kepercayaan penuh daripada perwakilan.

+Sebenarnya kita tidak ada wakil Menteri Besar (bagi jawatan Naib Presiden). Sama ada kita datang daripada Menteri Besar atau orang yang tidak ada jawatan dalam kerajaan ataupun ada jawatan, sama ada kita dari utara atau selatan, itu tidak kira.

+UMNO adalah satu. Sama ada pemimpin itu datang dari mana tempat atau mana golongan adalah tidak penting. Asalkan mereka diberi kepercayaan penuh oleh para wakil, maka mereka adalah pemimpin UMNO,+ katanya.

Menurutnya, pemilihan tiga Naib Presiden yang berasal dari negeri-negeri utara Semenanjung ialah secara kebetulan.

+(Ia) terjadi secara kebetulan. Kita tak boleh kata mesti ada wakil dari Selatan, Timur atau Barat. Mereka dianggap oleh perwakilan sebagai pemimpin UMNO,+ katanya. Datuk Seri Anwar dan Datuk Abdullah berasal dari Pulau Pinang manakala Datuk Seri Sanusi dari Kedah. -- Lagi.

♥01/12/12-12MST

CNS4544

U GB 01-12 00136 BH554

BAH

Mahathir - Kabinet 3 Kuala Lumpur

Mengenai arah aliran pengundian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia kini sudah kembali kepada arah aliran dahulu kerana tiada lagi yang terlalu kuat sentimen kepada seseorang calon sebaliknya membuat keputusan demi kepentingan parti.

Kata beliau, anggota perwakilan telah dapat membuat pemilihan dengan bijak kerana tidak ada gangguan.

+Mereka memberi pertimbangan kepada yang lama dan baru. Mereka dapat mengenal pasti bakat-bakat baru dan memberi peluang (kepada mereka) tetapi tidak terlalu ramai.

+Yang lama memang dikekalkan lebih ramai dan yang baru ditambah. Ini cara UMNO. Kalau diganggu dengan cara-cara yang tidak baik maka tentulah anggota-anggota UMNO terkeliru dan membuat keputusan yang tidak baik.

+Kali ini mereka membuat keputusan yang baik dan saya ucap tahniah kepada wakil-wakil yang datang,+ katanya. -- Lagi.

♥01/12/12-13MST

CNS4545

U GB 01-12 00075 BH555

BAH

Mahathir - Kabinet 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga yakin semua yang dipilih boleh bekerjasama walaupun sebelum ini ada tuduhan tetapi tidak begitu ketara sehingga mereka tidak boleh berbaik-baik.

+Saya yakin UMNO akan rapatkan barisan dan akan memberi sokongan kepada mereka yang menang,+ kata beliau.

Kepada yang tewas, beliau menasihati mereka supaya menerima keputusan tersebut dan terus memberi sokongan kepada yang menang. -- Bernama.

♥01/12/12-14MST